

PELAJARAN UGAMA DAN KEMUNCULAN ULAMAK KELANTAN*

oleh

MOHD. YUSOFF BIN AB. RAHMAN

BILA memperkatakan tentang peranan pelajaran Ugama Islam, perlu kita membincang sama tentang kelahiran para ulamak, penubuhan institusi pondok dan kegiatan-kegiatan yang telah dijalankan oleh mereka. Pada umumnya kita dapat pengajaran ugama telah diajar oleh Tok Guru yang terdiri daripada pedagang-pedagang Arab-Parsi secara mulut dan kemudian baharulah diajar huruf-huruf Arab dengan disertakan huruf-huruf tambahan menurut kaedah huruf Parsi.¹ Besar kemungkinannya bentuk-bentuk pengajaran seperti ini dijalankan di Kelantan, dalam jangka masa yang sama. Pengajaran seperti Quran adalah di ajar dengan percuma sahaja, iaitu sebagai bakti yang mengharapkan pembalasan di hari Akhirat nanti. Seringkali juga terdapat setiap penuntut yang akan membawa saguhati seperti gula, pisang atau pulut sewaktu mereka mula datang menuntut mengaji Quran. Kemungkinan-kemungkinan yang lebih baik ialah guru-guru itu akan mendapat zakat fitrah anak-anak muridnya, walaupun cara ini tidak semestinya dilakukan oleh ibu bapa murid itu. Tetapi cara ini sudah menjadi satu kelaziman yang tidak seharusnya diabaikan oleh mereka.

Perkembangan pendidikan di Kelantan yang berasaskan kepada pengajian keislaman di sepanjang kurun ke 19 adalah merupakan hasil daripada daya usaha yang dikendalikan oleh para ulamak. Kegiatan ini meliputi berbagai bentuk pelajaran samada penyampaian secara lisan ataupun dengan secara penulisan. Dengan itu pada sepanjang kurun yang tersebut Kota Bharu telah ujud sebagai pusat perkembangan dan telah menjadi tumpuan utama bagi tujuan memperluaskan pelajaran ugama. Pengaruh ini telah merebak dengan begitu luas sekali dan tidak hanya terhad kepada Semenanjung Malaysia sahaja. Ini termasuklah ke kawasan kepulauan Melayu yang lain seperti Siak, Palembang, Sumatera dan Kemboja.² Dewasa itu sistem pelajaran serta pendidikan yang dijalankan secara formal adalah berasaskan kepada sistem pondok.³

* Makalah ini telah diambil dari tesis yang bertajuk, "Peranan Imam Di dalam Masyarakat Melayu Kelantan", dan telah disesuaikan untuk disiarkan dalam jurnal ini - Pengarang.

¹ Syed Muhammad Naguib Al-Attas, *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1972, h. 41.

² Sila lihat Nik Mohamad bin Hj. Nik Mohd. Salleh, "Catatan Ringkas Tentang Sumber-sumber Tempatan Mengenai Sejarah Kelantan", *Jurnal Sejarah Kelantan*, Bil. I, 1954/5. Beliau cuba membincangkan tentang kedudukan hubungan persejarahan ugama Islam di peringkat awal di Kelantan. Ini diasaskan kepada bukti-bukti yang terdapat di Kelantan seperti adanya duit emas dinar yang bertulis dengan huruf Arab. Anker Rentse, "A note on Kelantan Gold Coins", *JMBRAS*. Jil. XIV, Bah. III, tahun 1936, h.305.

³ Lihat Abdul Rashid bin Ahmad, "Kedudukan Pondok Dalam Masyarakat di Kelantan", Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, h. 7. Lihat juga, W.A. Graham, *Kelantan. A State of the Malay Peninsula. A handbook of information*, James Maclehose & Sons, Glasgow, 1908, h. 116. Beliau pernah mengatakan bahawa pendidikan anak Melayu Kelantan sebelum 1904 adalah disampaikan oleh guru-guru Quran. Mengikut tulisannya, "... up to the year 1904 nothing had been done to provide education for the youth of Kelantan. The boys of the upper class were generally taught to read and write by private tuition and numerous Hajis gave instruction in reciting the Kor'an". Ketara di sini, "read and write", iaitu bermaksud membaca dan menulis yang ditujukan kepada pondok atau dirumah-rumah Tok Guru sebagai tempat penyebaran pengetahuan Islam.

Sebagai sebuah pusat pendidikan ugama dan sebuah negeri yang telah menerima pengaruh Islam yang awal, kegiatan ugama di negeri ini semakin terasa dengan kembalinya beberapa orang ulamak dari Mekkah Al Mukaramah. Kegiatan dan kegigihan Ulamak-ulamak itu menubuhkan sekolah-sekolah pondok membuktikan bahawa perkembangan pelajaran ugama yang lebih dinamik telah berlaku lebih awal di Kelantan jika dibandingkan dengan Negeri-negeri Melayu yang lain. Diantara guru-guru pondok yang lahir pada peringkat awal ini ialah guru Haji Abdul Samad (Tuan Tabal), Haji Mohd. Salleh (Tok Bachok) dan Wan Ali Kutau. Mereka ini dikatakan lahir pada tahun-tahun sebelum 1909 lagi, yang merupakan kumpulan yang telah mendapat pendidikan daripada Patani serta Mekkah Al Makramah. Gelaran *Haji* yang ada pada mereka itu menambahkukuh lagi kepercayaan rakyat kepada kebolchan mereka.

Untuk perbincangan selanjutnya, kita seharusnya meninjau beberapa tokoh ulamak yang terkenal di Kelantan, diantaranya Tuan Tabal. Nama sebenarnya ialah Tuan 'Abdu's-Samad bin Muhammad Salih Al-Kelantani. Ia telah dilahirkan pada pertengahan awal abad ke 19 dan meninggal pada akhir abad ke 19 iaitu lebih kurang pada tahun 1891.⁴ Ianya berasal dari Tabal, sebuah kawasan Islam setelah berlaku persetujuan diantara Kelantan-Siam tahun 1909. Tuan Tabal mendapat peluang yang lebih untuk mengikuti pelajaran ugama kerana ayahnya, Tuan Muhammad Salih merupakan seorang Imam ditempatnya. Tuan Tabal memulai pelajarannya di Patani, pusat pendidikan yang terpengaruh dewasa itu. Kemudiannya beliau telah mendalami pengajian ugamanya di Mekah. Tuan Guru Wan Ahmad Patani, seorang guru yang terkenal adalah merupakan gurunya. Semasa berada di Mekah Tuan Tabal telah mempelajari daripada Sidi Muhammad Ad-Danderawi, murid Sidi Ibrahim, yang telah mempelajari daripada Sidi Ahmad Ibn Idris, pengasas tariqah Ahmadiyah.

Sekembalinya ke Kelantan, Tuan Tabal telah berkahwin dengan anak Tok Semian, iaitu Tuk Wan Mah, yang merupakan seorang pembesar di Kelantan masa itu. Tuan Tabal mula terkenal dalam ilmu-ilmu Islam seperti Usuluddin, Fiqah dan Tasawwuf, *Munyatul Ahli'l-Awbah fi Bayani't-Tawbah* dalam Tasawwuf. *Bi-Kifayati al-'Awam* dalam lapangan Usulludin. *Munabbi hu'l-Ghafilin* dalam bidang Tasawwuf dan *Minhatul-Qarib* tentang Usulludin fiqh dan Tasawwuf. Sewaktu Tuan Tabal menuntut di Mekah, terdapat seorang tokoh lain iaitu Tuan Haji Sa'id atau dikenali juga sebagai Encik Aiid bin Haji Encik Din, yang berasal dari Linggi, Negeri Sembilan. Beliau juga dikatakan pernah membawa ajaran tariqah Ahmadiyah ke Kelantan, terutamanya di Kampung Laut iaitu berhampiran dengan bandar Kota Bharu.

Perkembangan pelajaran ugama di Kelantan menjadi lebih pesat lagi pada lingkungan tahun-tahun 1909 hingga 1945,⁵ terutamanya dengan kepulangan lebih ramai lagi para ulamak. Diantara mereka itu ialah Tuan Haji Mohd. Yusof

⁴ Muhammad 'Uthman El-Muhammady, "Ajaran Tasawwuf Tuan Tabal Dalam Jala al-Qulub", *Nusantara*, Bil. I, Januari 1972, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, h. 114-133. Juga lihat, Abdul Rahman Al Ahmadi, *Pengantar Sastera*, Pustaka Aman Press Kelantan, 1966, h.129-130.

⁵ Sila lihat, Abdul Rashid Ahmad, "Kedudukan Pondok", h.7.

bin Ahmad Kenali, dikenali dengan Tok Kenali yang telah pulang dari Mekkah Al Mukaramah pada tahun 1910.⁶ Beliau telah dilahirkan pada tahun 1871 dan sewaktu berumur tujuh belas tahun telah pun pergi ke Mekah selama dua puluh tahun. Sebelum ke sana, Haji Mohd. Yusof telah juga sempat mengikuti pelajaran ugama di Kelantan. Bila beliau kembali daripada Mekah, Tok Kenali telah mengusahakan pendirian pondok di Kubang Kerian yang kemudiannya dikenali sebagai Pondok Tok Kenali.

Dengan pengetahuan yang ada padanya, telah memberi peluang Tok Kenali meluaskan lagi pengetahuan ugama dengan mengajar di Masjid Besar Muhamadi Kota Bharu. Walaupun begitu beliau tidak menetap di Kota Bharu tetapi telah kembali ke Kubang Kerian bagi menumpukan perhatian kepada perkembangan pondoknya. Keaktifan Tok Kenali begitu ketara sekali dengan penglibatannya selaku Ketua Pealajaran Ugama untuk Negeri Kelantan, menjadi Anggota Majlis Ulamak Kelantan, mendirikan Jamiah al Asriah di Kota Bharu dan pernah dilantik menjadi Ketua Pengarang Kehormat Majallah *Pengasuh* keluaran Majlis Ugama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan mulai dari 1918. Beliau mempunyai murid-murid yang ramai diseluruh Kelantan, diantara yang terkenal ialah seperti Haji Ali Salehuddin Pulau Pisang, Haji Saat, Haji Yaakob Legor, Haji Yaakob bin Haji Ahmad Lorong Gajah Mati, Haji Abdullah Tahir dan Haji Nik Abdullah bin Haji Wan Musa.⁷

Kegiatan yang telah dilakukan oleh Tok Kenali dalam meluaskan pendidikan ugama terutamanya didalam pengajian kitab begitu ketara sekali sehingga menjadikan beliau sebagai ulamak, yang terbilang di Kelantan. Apabila Tok Kenali meninggal dunia pada tahun 1933, segala urusan pondok Kenali di Kubang Kerian telah dikendalikan oleh anaknya Haji Ahmad atau pun dikenali sebagai Tok Bongkok.⁸ Dengan sebab terdapat pondok-pondok lain yang lebih ramai mempunyai tenaga pengajar, Pondok Kenali tidak lagi menumpu sepenuh perhatian terhadap perkembangan pondok mereka, cuma secara kecil-kecilan pada akhirnya.

Perkembangan pendidikan secara pondok menjadi lebih maju lagi dengan tertubuhnya Madrasah Ahmadiah Bunut Payong oleh Haji Abdullah Tahir bin Haji Ahmad pada tahun 1931. Beliau telah hidup dalam lingkungan tahun-tahun 1897 sehingga 1961, yang telah menggerakkan pendidikan ugama serta pengajian kitab dipondoknya. Mengikut catatan yang dibuat terhadap Haji Abdullah Tahir, pernah disebutkan sebagai salah seorang murid tua Tok Kenali yang terkemuka. Ini lebih ketara lagi sebagaimana yang dijelaskan,⁹

⁶Abdullah Al-Qari bin Haji Salleh, "Tok Kenali: His Life and Influence", William R. Roff (ed.), *Kelantan, Religion, Society and Politics in a Malay State*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1974, h. 87-100.

⁷Sila lihat Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan, "Sejarah Gerakan dan Perkembangan Alam Pemikiran Islam di Jajahan Kota Bharu 1900-1940", Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1973, h. 32.

⁸Temutanya dengan Tuan Guru Haji Ahmad bin Haji Mohd Yusof Kenali, pada 10 April 1976 di rumahnya di Kubang Kerian. Beliau juga telah mendapat pendidikan di Mekah Al Mukarramah selama 4 tahun. Mengikut keterangannya Tok Kenali pernah dijemput mengajar di Masjid Besar Kota Bharu oleh pehak *Majlis*. Pada masa yang sama ramai pelajar-pelajar dari Malaysia telah menumpu ke pondok Kenali. Pelajar-pelajar menjadi merosot kerana kematian Tok Kenali sebab tidak sempat bagi anaknya seorang sabaja mengajar. Lantas digalakkan pelajar mereka berpindah ke pondok-pondok lain seperti di Pasir Tumbuh. Haji Ahmad selalu sabaja dijemput mengajar ke beberapa daerah di Negeri Kelantan sebanyak sekali atau dua kali seminggu, secara sukarela.

⁹Sila lihat, Yusof Zaki Yaakub, "Haji Abdullah Tahir Dalam Kenangan Kenangan" *Pengasuh*, Bil. 404, Mac, 1975, h. 37.

Haji Abdullah Tahir selaku satu-satunya murid tua Tok Kenali yang telah berjaya membuka sebesar-besar pondok di negeri Kelantan selepas pondok Tok Kenali dan pondok masjid Kota Bharu... yang telah memainkan peranan yang amat besar dalam perkembangan ugama dirantau ini.

Haji Abdullah Tahir telah mendapat pendidikan asas daripada Pondok Kenali pada tahun 1909 dibawah perhatian Tok Kenali sendiri, yang kira-kira baru setahun kembali dari Mekah Al Mukarramah. Kemudian belajar daripada seorang guru lain di Kota Bharu, iaitu Haji Nik Abdul Rahman. Setelah belajar kira lima belas tahun di Kenali, Haji Abdullah telah pergi ke Mekah pada tahun 1929. Diantara guru-gurunya disana ialah Sheikh Ali Maliki yang merupakan ulamak besar yang terkemuka pada zaman itu. Beliau juga sempat belajar daripada Sheikh Said Yamani, ayah kepada Sheikh Hussein Yamani yang pernah menjadi Mufti Trengganu. Selain daripada mereka itu, Haji Abdullah Tahir juga belajar dari-pada Sheikh Mokhtar Athad, seorang Ulamak Sufi dan Sheikh Muhammad Patani.

Dengan kebolehan yang ada pada Haji Abdullah Tahir, apabila beliau kembali daripada Mekah, Haji Nik Mahinud Datuk Perdana Menteri Kelantan telah melantiknya mengajar di Masjid Muhammadi, Kota Bharu bersama-sama dengan Tok Kenali dan Tuan Guru Haji Yaakob Legor. Haji Abdullah Tahir juga pernah dilantik oleh Sultan Kelantan selaku anggota Majlis Ulamak dan anggota Jawatankuasa Penggubal Undang-undang Pengadil di mahkamah Kelantan. Dengan itu juga menyebabkan beliau mempunyai ramai murid-murid di seluruh Semenanjung, termasuklah Kedah, Pahang, Perak dan sebagainya. Haji Abdullah telah meninggal dunia pada tahun 1961, dan urusan pondok telah dikendalikan oleh anaknya Haji Husein kemudiannya. Dalam jangkamasa yang sama dengan beliau ini terdapat beberapa pondok lain yang terkenal seperti pondok Lati, pondok Lubuk Tapah, pondok Kubang Beinban dan pondok Pak Su Wail.

Kegiatan membangunkan institusi pondok juga aktif di daerah Pasir Mas. Ianya menunjukkan beberapa perkembangan yang agak baik sekali, terutamanya dengan kedatangan Tok Padang Jelapang. Nama Tok Padang Jelapang, yang sebenarnya ialah Haji Wan Ahmad bin Haji Wan Abdullah Malim, dilahirkan di kampung Palekbang, Tumpat, Kelantan pada 1861 Masehi. Mendapat pendidikan di Patani dalam masa yang sama dengan Tok Salehor dibawah Tuan Guru Haji Abdullah di kampung Che'ak. Kemudiannya beliau telah mendalmi pelajaran ugarnanya di Mekah Al Mukarramah.

Haji Ahmad juga telah sempat belajar daripada Tok Wan Ali Kutan, Pak Chik Daud Patani semasa berada selama sembilan bulan di Mekah. Bila kembali ke Kelantan, Haji Ahmad telah membuka pondoknya di Palekbang. Dalam masa yang sama juga Tok Salehor telah membuka pondoknya dan dengan sebab kemashoran Tok Salehor menyebabkan Haji Wan Ahmad terpaksa menutup pondoknya.¹⁰ Kemudiannya Wan Ahmad berpindah ke Padang Jelapang dan membuka pondok di sana hingga beliau dikenali sebagai seorang tokoh ulamak yang dikunjungi ramai. Perkembangan dari sini juga telah melahirkan beberapa

¹⁰ Pondoknya cuma dibuat beberapa ketika sahaja, kerana tidak dapat menandingi pondok Tok Salehor yang lebih popular. Beliau telah dijemput kemudiannya oleh seorang muridnya supaya berpindah membina pondok di Pasir Mas, di tempat yang bernama Padang Jelapang. Sila lihat Ismail Awang, "Tok Padang Jelapang", *Majalah Pengasuh*, Bil. 416, Jun/Julai 1976, h.26.

tokoh guru yang lain seperti Tuan Guru Lubuk Tapah, iaitu Haji Abdul Rahman, Haji Abdul Ghani (Anggota Dewan Ulamak) dan Haji Abdulllah Lati di samping beratus-ratus muridnya yang lain. Satu catitan mengenai Tok Padang Jelapang memang mengakui kemashurannya setanding dengan Tok Selehor di Barat Sungai Kelantan ketika itu.¹¹ Hubungan diantara mereka ini kerap berlaku menurut keterangan Tuan Guru Haji Abdul Ghani, salah seorang muridnya.¹² Tuan Jelapang berpindah ke Golok pada tahun masehi 1918, setelah berada di Pasir Mas selama tiga tahun. Beliau meninggal dunia pada tahun 1934 dalam usianya tujuh puluh tiga tahun, dan telah dimakamkan di Golok.

Disamping tokoh-tokoh ulamak yang telah dibincangkan di atas itu, terdapat banyak lagi tokoh-tokoh lain yang telah mengendalikan perkembangan ugama melalui surau-surau serta pondok-pondok di Kelantan. Diantaranya seperti Haji Wan Musa bin Haji Abdul Samad¹³ yang dilahirkan pada tahun 1874 dan meninggal dunia pada tahun 1939. Berpendidikan dari *Makkah Makatul Mukaramah*, dan telah menyebarkan pelajarannya di surau yang dibangunkannya di Jalan Merbau, Kota Bharu. Kemudiannya tokoh-tokoh lain seperti Tok Kharasan yang berasal dari Negeri Afghanistan, tiba di Kota Bharu selepas perang dunia pertama. Sidi Azahari merupakan tokoh yang berasal dari Makkah Makatul Mukaramah, juga bertanggongjawab dalam penyebaran ugama di Kota Bharu. Usaha-usaha dalam bentuk menubuhkan pondok-pondok oleh beberapa tokoh terkenal yang lain ialah oleh Haji Ali Sallehuddin, yang lebih dikenali sebagai Haji Ali Pulau Pisang. Beliau telah mendirikan kawasan pondok yang besar di Pulau Pisang yang telah berkembang sehingga menjelang serangan Jepun pada tahun 1941. Bila Kelantan diperintah oleh Jepun menyebabkan suasana amat sulit sekali. Walau pun masaalah yang banyak dihadapi, Haji Ali juga meneruskan pengajarannya disamping mengajar di Masjid Ma'ahad Muhammadi Kota Bharu.¹⁴

Berasaskan kepada perbincangan di atas, dalam jangkamasa 1900an itu, perkembangan pendidikan Islam di Kelantan bagitu ketara sekali. Perkembangan ini menjadi lebih pesat lagi dengan penubuhan Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan pada tahun 1915.¹⁵ Ini diikuti pula dengan terdirinya sekolah Melayu Majlis Ugama Islam pada tahun 1917. Perkembangan ini sejajar dengan penubuhan lebih banyak pondok diseluruh pelasuk Negeri

¹¹Diantaranya murid-murid yang masih hidup ialah Tuan Guru Haji Abdul Ghani Kubang Bemban, Pasir Mas. Tuan Guru Haji Abdul Rahman, Lubuk Tapah. Tuan Guru Haji Abdul Latif. Tuan Guru Haji Hassan, Lemai (bekas wakil rakyat). Tuan Guru Haji Abdul Latif Haji Umar, Banggot Kulim. Tuan Guru Haji Hassan, Haji Ismail Buloh Poh. Haji Abdulllah, bekas imam Kampung Laut dan Ledai Yaakob bin Kechik, Rantau Panjang. Mereka ini semua juga merupakan orang yang terlibat dalam perkembangan pendidikan ugama di Kelantan, terutamanya selepas kematian Tuan Jelapang.

¹²Sila lihat, Ismail Awang, *Pengasuh*, h. 27.

¹³Ia merupakan diantara anak-anak Haji Abdul Samad (Tuan Tebal) yang terkenal telah mendalamai ilmu tentang Tasawwuf dan juga yang kuat mengamalkan ajaran tasawwuf. Dialah yang meneruskan tradisi pendidikan Tasawwuf Ahmadiyah di Kelantan. Tuan Haji Wan Musa di pandang tinggi keahlianya dalam Tasawwuf, ompamanya oleh Tuan Haji Tok Kenali, seorang yang amat dihormati peribadiinya dan ilmunya dikalangan ulamak Kelantan dan negeri-negeri sering berhampiran dengannya. Sila lihat, Uthman El-Muhammady. "Ajaran Tasawwuf", h. 116.

¹⁴*Majallah Pengasuh*, Bil. 405, April 1975, h. 10.

¹⁵Pada masa itu juga bentuk penyampaian agama secara baru telah lahir apabila Haji Nik Abdulllah bin Haji Wan Musa mempelopori pengajian Quran dan Hadis mengikut kaedah *Shah Waliyullah Al Dihlawi* pada tahun 1935. Beliau mempunyai penuntut-penuntut yang ramai samada di Kelantan maupun diluar dari Negeri Kelantan.

Kelantan dan telah menjadikan Kota Bharu sebagai pusat perkembangan para ulamak sehingga ketahun-tahun kemudiannya.

Perkembangan pelajaran ugama menjadi begitu pesat sekali terutamanya dengan terdirinya masjid besar Kota Bharu yang menjadi tumpuan masyarakat dan para ulamak. Kebanyakan daripada orang ramai telah datang berkunjung kesini samada dengan tujuan untuk belajar ataupun mendengar pengajaran ugama yang telah diadakan oleh para ulamak yang terkemuka. Kepentingan Kota Bharu sebagai pusat perkembangan ugama menyebabkan ianya telah menjadi tumpuan orang yang datang dari berbagai daerah di Nusantara ini, terutamanya Indochina, Sumatera, Sulawesi dan Brunei. Gambaran mengenai kedudukan Kota Bharu pernah dinyatakan oleh seorang Penolong Penasihat British, yang bertugas di Kelantan. Beliau telah menjelaskan.¹⁶

This reputation of Kota Bharu as a centre of Mohamadan learning has been well known to me as far south as Negeri Sembilan when I was serving there 10 or 15 years ago.

Jelasnya tentang minat orang ramai terhadap pendidikan ugama itu telah mendorong untuk ditubuhkan lebih banyak lagi sekolah-sekolah pondok disekitar bandar Kota Bharu dari setahun ke setahun. Ia juga disertai oleh penubuhan masjid, surau serta madrasah sebagai tempat perkumpulan penyebaran ugama Islam. Pengaruh kesedaran yang kuat ini juga telah menyebabkan para ibu bapa sanggup menyerahkan anak-anak mereka dipondok-pondok buat beberapa waktu dibawah jagaan Tuan-tuan guru mereka dengan harapan mereka ini akan menjadi gulungan yang baik di masa hadapan.

a. Sistem Pengajian Secara Pondok di Kelantan

Pondok dapat dimengertikan sebagai madrasah atau asrama tempat mengaji ugama¹⁷. Perkataan pondok itu pada asalnya diambil sempena dengan rumah-rumah kecil yang diduduki oleh pelajar-pelajar yang datang untuk belajar ugama dan kemudian digunakan bagi gelaran kepada sistem pendidikan secara tradisional iaitu Sistem Pondok.

Berasaskan kepada pertumbuhan dan keujudan institusi pondok di negeri Kelantan, kebiasaannya terdapat dua jenis pondok, iaitu yang dikenali sebagai Pondok Luar dan Pondok Dalam. Ianya juga dikenali sebagai Pondok Kelamin dan Pondok Bujang. Pondok Kelamin ini khasnya telah ditetapkan kepada orang-orang yang telah berumah tangga menjadi sebahagian besar daripada penghuninya atau orang tua laki-laki dan perempuan sama ada daripada orang-orang tempatan atau orang yang datangnya daripada tempat lain. Satu tradisi yang biasa diamalkan pondok-pondok kelamin ini biasanya terletak berhampiran dengan rumah-rumah Tok Guru. Manakala pengertian yang begitu ketara bagi pondok-pondok bujang pula ialah pondok yang dikhaskan untuk kediaman pelajar-pelajar yang belum kahwin. Kedudukannya lebih jauh dari rumah Tok Guru dibandingkan dengan pondok-pondok kelamin.

Bentuk sistem sosial yang diujudkan dikawasan-kawasan pondok adalah baik sekali dengan mengasaskan kedudukannya yang berhampiran diantara satu sama

¹⁶ *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Kelantan for the year 1936*, h.38.

¹⁷ Teuku Iskandar, *Kamus Dewan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, K. Lumpur, 1975, h. 886. Lihat juga W.R. Roff (ed.) *Kelantan*, h. 43. "Pondok are informal communities of students living in small huts (pondok) near the residence of well-known religious teachers".

lainnya. Lantaran itu akan menerbitkan bibit-bibit perpaduan, persaudaraan dan kerjasama. Melihat dari pola-pola pembahagian kawasan sifat fizikal pondok itu sendiri, ketara sekali menunjukkan bahawa sistem pondok pada peringkat awalan lagi begitu mementingkan sifat-sifat moral yang baik disamping sifat persahabatan dan muhibbah. Satu kebiasaan yang ujud sekiranya sebuah kawasan pondok itu dapat kita anggarkan besar terdapat beberapa madrasah, iaitu surau-surau yang kecil bagi kegunaan untuk berjumaah, disamping sebuah masjid yang kadang-kadangnya merupakan penubuhan atas daya usaha serta belanja Tuan Guru Pondok itu sendiri, dengan mendapat sokongan moral serta material dari-pada penduduk tempatan. Pada asalnya penubuhan itu tidak melibatkan belanja dari pihak kerajaan seperti masjid Pasir Tumbuh. Kegunaan fungsi madrasah bukanlah sahaja sebagai tempat ibadat, bahkan di samping itu ia juga sering digunakan selaku tempat 'mentalaah' oleh para pelajar. Dengan fungsinya yang sedemikian rupa menyebabkan masjid dan madrasah selalunya didirikan berhampiran, atau tidak kurang pula yang bersambung dengan rumah Tok Guru, penolongnya.

Untuk melihat fungsi-fungsi yang telah dijalankan oleh sistem pondok di Kelantan dapat kita susur galurkan daripada kelahiran sejarahnya pada peringkat awal lagi. Kemunculan pondok adalah lanjutan daripada pengajian Al-Quran yang dijalankan oleh Tok Guru. Kesedaran dikalangan orang-orang Melayu untuk mendapatkan ilmu-ilmu didalam bidang keugamaan serta ilmu-ilmu lain yang bersangkutan telah menggalakkan mereka beramai-ramai ke situ. Bagi penduduk-penduduk tempatan, mereka hanya akan berulang alik sahaja daripada rumah-rumah mereka, tetapi apa yang sering menjadi masaalah kepada Tok Guru ialah bila terdapatnya jumlah pelajar yang lebih banyak dari luar daerah mereka. Buat permulaan mereka dibenarkan tinggal bersama penduduk tempatan disurau-surau, masjid dan rumah Tok Guru. Apabila sampai satu tingkat tertentu, keadaan ini menjadi bertambah sesak yang telah menimbulkan ilham untuk Tok Guru mendirikan rumah-rumah kecil dikeliling rumah mereka. Untuk menjadi ianya lebih populat dan penyebarannya lebih pesat, nama itu mula dikenal sebagai pondok.

Institusi pondok adalah merupakan satu institusi pendidikan tradisional yang amat terkenal pada masa dahulu di Kelantan. Pondok sekiranya diasaskan kepada beberapa faktor, ianya boleh dikatakan berasal dari Petani. Ini ketara sekali dengan kebanyakan tok-tok guru yang hidup di Kelantan pada akhir kurun ke 19 dan diawal kurun ke 20 adalah terdiri daripada keluarga pondok Patani yang banyak belajar disana. Kerajaan Siam juga mempunyai perhubungan yang baik dengan Kerajaan Kelantan dengan kedudukan Kelantan dibawah naungannya sebelum tahun 1901. Selain daripada itu juga kebanyakan kitab-kitab ugama yang digunakan di Kelantan adalah diterjemahkan di Patani.

Kenyataan di atas boleh dikukuhkan lagi dengan berdasarkan kepada riwayat hidup tok-tok guru di Kelantan yang telah menunjukkan bahawa pondok mula lahir sebelum tahun 1909 iaitu diakhir abad ke 19. Ini terutamanya dengan perkembangan ugama Islam di Kelantan yang merangkumi masyarakat Melayu yang sudah meluas, yang mana mereka ini merasa bertanggungjawab untuk mempelajari hukum-hukum ugama Islam dalam soal ibadat, muamalat dan menakahat. Lantaran perlunya pusat-pusat pengajian ugama, maka telah lahirlah para ulamak yang mula membuka pusat-pusat pengajian pondok. Kelahiran pondok telah menampakkan satu peralihan sistem pendidikan Islam di Kelantan yang berasaskan semata-mata kepada pembacaan sahaja kepada bentuk yang lebih formal yang juga terdapat bentuk pembacaan dan penulisan.

Sekiranya kita membuat tinjauan tentang tujuan pengajian pondok seperti yang telah ujud di Kelantan buat sekian lama, belum dapat dibuat satu rumusan yang tepat dari kaca mata sekarang mengenai tujuannya. Tetapi satu kesimpulan kasar dan mudah yang dapat dibuat ialah ianya bertujuan untuk mengajar penuntut-penuntut dalam pelajaran ugama serta menggalakkan mereka supaya berkelakuan baik dalam hidup secara bermasyarakat.

Walaupun begitu mengikut Encik Abdul Latid bin Abdul Rahman selaku Yang Dipertua Madrasah Diniah Bakriah Terusan, Pasir Tumbuh telah menjelaskan; "Pada tahun 1954 penguasa madrasah tersebut telah mengambil keputusan mendirikan sebuah madrasah di Kampung Terusan bagi melaksanakan salah satu tujuan yang utama, iaitu menyebar dan mengembangkan pendidikan ugama Islam serta menolong pelajar ugama tempatan khasnya bagi menambahkan pelajaran ugama mereka untuk berkhidmat kepada masyarakat sebagai guru ugama dan sebagainya".¹⁸

Gambaran tujuan pengajian di pondok itu dapat dilihat daripada keupayaan dan sejauhmana fungsi dan peranan yang dimainkan oleh pelajar-pelajar lepasan pengajian secara pondok di seluruh Kelantan serta di daerah-daerah luarnya. Kebanyakan mereka dengan jelasnya telah mengujudkan kumpulan yang begitu aktif didalam bidang ugama, yang mana dari kalangan mereka juga telah melahirkan tokoh-tokoh yang menjadi Imam, tuan Guru, guru-guru ugama disekolah-sekolah Arab, menjadi anggota yang aktif didalam bidang politik dan sebagai pekerja-pekerja di Majlis Ugama. Kita juga tidak dapat memperkecilkan tentang peranan yang telah dimainkan oleh gulungan pondok terutamanya dalam memberi asas pelajaran kepada banyak pelajar-pelajar tempatan yang telah berjaya melanjutkan pelajaran mereka ke Asia Barat khasnya.¹⁹

Corak Sistem Pengajian yang dijalankan di Pondok, tidaklah mempunyai syarat-syarat yang ketat. Penuntut-penuntut yang ingin mengikuti pelajaran di pondok biasanya terdiri daripada mereka yang telah tamat pelajaran asas mereka di sekolah-sekolah Melayu setakat darjah enam. Kedatangan penuntut-penuntut ini ada yang terdiri daripada mereka yang digerakkan oleh inisiatif sendiri yang tidak kurang pula diantara mereka yang mendapat galakan daripada ibu bapa mereka yang lebih mementingkan pelajaran keugamaan. Dengan itu tidak menghairankan kita sekiranya kebanyakan penuntut pondok pada peringkat awal adalah terdiri daripada anak-anak kepada orang yang berugama seperti Imam, orang-orang alim serta mereka yang pernah pada suatu masa dahulu belajar dipondok.

Satu kebiasaan kepada pelajar-pelajar pondok ialah mereka terpaksa membina sendiri pondok-pondoknya, iaitu selalunya ibu bapa mereka akan menyediakan apakala hendak menghantarkan anak-anak mereka di sesbuah pondok itu. Keadaan ini disebabkan bayaran yang rendah pada pengajian pondok serta menjadi satu masalah sekiranya perkara itu hendak diserahkan kepada Tuan Guru pondok tersebut untuk mendirikan semuanya. Walaupun begitu terdapat

¹⁸ Lihat "Risalah mengenai Madrasah Diniah Bakriah dari dekat", dikeluarkan oleh pondok Pasir Tumbuh.

¹⁹ Keterangan hasil temutanya dengan penolong kanan, Tuan Guru Pondok Pasir Tumbuh, If Qafullah, 11 April 1976. Diantara yang dapat dihubunginya, memegang jawatan Imam Paka, Trengganu, Hassan b. Mohd Zain; Kemaman, Shamsuddin Mohamad; Kemasek, Hj. Ahmad.

pondok-pondok kediaman yang disediakan, khasnya kepada pelajar-pelajar yang datangnya daripada daerah luar negeri Kelantan.

Kelayakan tidak menjadi syarat utama untuk memasuki ke tempat-tempat pengajian pondok ini samada dari segi umur dan pelajaran asas sebelumnya. Tok Guru menerima siapa sahaja yang ingin belajar dengan mereka, kerana tujuan utama tok guru tersebut untuk menyebarkan pelajaran ugama yang ada pada mereka. Keseluruhan pondok di negeri Kelantan tidak menghadkan jangka masa yang tertentu kepada pelajar-pelajar mereka, dengan pengajaran secara percuma yang dijalankan oleh mereka. Walau pun begitu bagi tujuan kebajikan pelajar-pelajar serta bagi keperluan madrasah tersebut, Pondok Pasir Tumbuh telah mengenakan bayaran pendahuluan sebanyak tiga ringgit disamping bayaran bulanan berjumlah satu ringgit.²⁰

Kebanyakan pondok di Kelantan menggunakan masjid-masjid serta surau-surau yang terdapat didalam kawasan pondok tersebut bagi tujuan menyampaikan pelajaran disamping sembahyang. Lantaran itu masjid mempunyai dua fungsi yang utama, iaitu sebagai tempat belajar ugama dan tempat bersembahyang serta berjemaah. Penuntut-penuntut memenuhi masjid dan surau-surau mengikut masa yang telah ditetapkan oleh Tok Guru sebagai masa belajar. Selain daripada fungsi masjid didalam kawasan pondok ditumpu oleh pelajar-pelajar pondok tersebut, ia juga menjadi tempat ‘menadah’ kitab bagi penduduk-penduduk sekitar yang datang belajar secara sambilan. Disamping itu masjid juga menjadi tempat ‘bermutalaah’ yang selalunya dikendalikan oleh murid-murid tua pondok tersebut, juga merupakan murid-murid yang telah mendapat kepercayaan Tok Guru ke tempat-tempat kenduri sebagai pembaca doa misalnya. Pendeknya pelajar-pelajar yang lebih tua ini selalu sahaja berada disamping Tuan Guru. Penggunaan masjid sebagai tempat pengajian ugama merupakan perkara yang telah pun diamalkan didalam persejarahan Islam semenjak zaman nabi lagi. Keadaan ini dikuatkan lagi oleh pengalaman-pengalaman yang telah didapati oleh Tok Guru sewaktu belajar di masjid Al-Ihram Al-Mukarramah.

Didalam mengikuti pelajaran di pondok, boleh dikatakan murid-murid terpaksa mengikuti pelajaran pada sepanjang masa, biasanya mulai selepas sembahyang Subuh hingga selepas sembahyang Isha’. Kelas untuk pengajian kitab biasanya dibuat selepas sembahyang waktu secara berjemaah, selepas sembahyang Subuh dan selepas waktu zuhor sebagai kelas pagi, manakala untuk malamnya selepas maghrib dan Isya’. Pun begitu ianya adalah bergantung rapat kepada klapangan masa yang dipunyai oleh Tok Guru sama ada ianya mendapat jemputan khas atau tidak yang boleh menjadi penghalang untuk mengadakan kelas tersebut.

— Pendidikan secara pondok merupakan satu sistem pendidikan secara tradisional, maka ianya juga telah mempengaruhi cara penyampaian pelajaran di institusi tersebut. Kebiasaanya Tok guru akan menyampaikan pelajaran dengan secara bersila, disatu penjuru, samada penjuru masjid atau bersandar ditiang yang akan dikelilingi oleh murid-murid mereka dalam bentuk satu bulatan dan juga duduk bersila. Kitab-kitab akan dibaca oleh Tok Guru dengan diikuti oleh murid-murid yang akan membuat panduan kepada kitab-kitab mereka yang berada di hadapan masing-masing. Di dalam penyampaian ini, Tok Guru begitu menekankan cara pembacaan dengan betul mengikut baris-baris kitab. Manakala langkah berikutnya ialah cuba menyakinkan agar penuntut-penuntut tersebut dapat me-

²⁰Ibid.

mahami betul-betul ayat tersebut serta ungkapan-ungkapan melalui syarahan-syarahan yang diberi. Pemahaman terhadap kandungan-kandungan kitab yang diajar juga dipentingkan.

Tok Guru tidak begitu mengalakkan banyak persoalan yang dikemukakan oleh penuntut mereka. Dengan itu terdapat tohmah-tohmah yang mengatakan 'tidak ada galakan berfikir. "There was no recognition of wider necessities of thought". Ini kemungkinan juga Tok Guru merasa bimbang akan ujud persamaan taraf diantara murid-murid dan Tok Guru, disamping murid-murid begitu takut dan menghormati Tok Guru mereka. Walau pun begitu tidaklah dapat kita menerima dengan begitu mudah tanpa membuat penyelidikan yang lebih terperinci terhadap sistem pendidikan yang telah dijalankan itu. Sebenarnya bukanlah sampai setiap murid itu dibantutkan perkembangan pemikirannya, cuma sesuatu yang berkait rapat dengan soal ketuhanan tidak digalakkan murid-murid memberi interpretasi secara tersendiri, lantaran pengalaman serta pengetahuannya yang tidak berapa mendalam di dalam hal itu. Tetapi sekiranya murid-murid yang telah mendalamidi dalam bidang keugamaan, terutama mereka yang sudah mendapat kepercayaan Tok Guru, pasti dapat berbincang dan bersoal-jawab dengan lebih mendalam lagi didalam soal ugama dengan guru-guru mereka.

Dalam pengajaran terhadap se sebuah kitab, biasanya pembacaan akan dibuat dengan memulakan dari Muqaddimah hingga ke akhirnya. Tok Guru juga akan mengulang kembali sesebuah kitab yang telah tamat dibaca sekiranya kedapatan kehendak-kehendak serta permintaan daripada para pelajar buat kali yang keduanya. Pun begitu pihak Tok Guru lebih cenderung untuk menyambungkan kitab-kitab yang baharu sebagai sambungan. Bagi melicinkan perjalanan pengajaran serta untuk mengendalikan hal-hal pelajar, seseorang pembantu Tok Guru akan dilantik dengan dikenali sebagai ketua Mutalaah.²¹ Walaupun sistem pengajian pondok yang menitik beratkan terhadap pendidikan Islam tidak mengikut proses pengajaran yang baik, tetapi ianya telah memberi sumbangan yang begitu besar dalam melahirkan tokoh-tokoh Ulamak yang menghidupkan pendidikan Islam di Kelantan khasnya serta Malaysia umumnya. Keadaan ini bersesuaian dengan kehendak-kehendak serta keperluan masyarakat dewasa itu yang telah memberi perhatian yang meluas terhadap pendidikannya yang menitik beratkan keislaman.

Sekiranya ditinjau tentang kejujuran, keikhlasan serta dedikasi para Tok Guru, ketara sekali ianya telah membolehkan segenap lapisan masyarakat samada muda dan tua, laki-laki serta perempuan turut serta untuk mendapatkan didikan Islam dan latihan kerohanian yang berkesan di pondok-pondok. Hasil daripada sistem pondok yang telah dijalankan sekian lama telah berjaya melahirkan para pendakwah-pendakwah, ulamak-ulamak, guru-guru ugama, Kadi, Imam dan orang-orang yang tahu tentang ugama serta pendidikan Keislaman.

²¹Ketua Mutalaah, maksudnya juru pembaca dan pemaham kitab yang telah dibaca oleh Tok Guru. Murid-murid akan mengemukakan soalan-soalan yang tidak berapa rumit kepada mereka, manakala soalan yang lebih kompleks akan dikemukakan terus kepada Tok Guru. Sila lihat Abdullah Al-Qari Haji Salleh, *Sejarah Hidup Tok Kenali*, Pustaka Aman Press, Kota Bharu, h. 50.

Peranan pondok juga penting dalam melahirkan bakal-bakal Imam di Kelantan. Ini jelas sekali seperti yang telah dimainkan oleh pondok Bunut Payung²² dan pondok-pondok lain seluruh Kelantan seperti Pulau Pisang, Kenali dan Pasir Tumbuh. Sebenarnya tidaklah terhad kepada mereka di dalam negeri Kelantan sahaja, bahkan terdapat juga mereka yang datangnya dari negeri-negeri lain dan telah kembali bertugas di negeri mereka seperti Pahang, Kedah, Johor, Perak dan sebagainya.

Selain daripada pengajian yang telah dijalankan dipondok-pondok itu, terdapat juga pengajian yang telah dibuat di masjid, surau dan balaisah. Pelajaran ini telah dijalankan oleh Tuan-tuan guru, Imam-imam secara sukarela dan tidak kurang pula yang telah dijalankan oleh mubaligh yang dilantik khas oleh Majlis Ugama Islam Kelantan. Mubaligh-mubaligh ini terletak dibawah Pejabat Siaran Ugama atas arahan Pejabat Ugama yang diketuai oleh Encik Ya'kub bin Haji Hassan serta dibantu oleh dua orang pengelola. Fungsi yang dimainkan oleh mereka ialah menyebarkan hal ehwal ugama Islam di Kelantan kepada seluruh umat yang berugama Islam.

Diantara sukanan pelajaran yang diajarkan ialah termasuk pelajaran mengenai Fardhu 'Ain dalam Fiqah, Tauhid, Tafsir, Hadis, sejarah Nabi, tulisan dan membetulkan fahaman yang silap. Perkara ditekankan didalam pelajaran Tauhid dan Fiqah ialah membetulkan akidah atau yang berkaitan dengan rukun iman, membetulkan cara membuat ibadat, hukum sah dan batal, kotor dan suci serta haram. Disamping itu pelajaran juga diberikan berhubung dengan budi perkerti dan menghapus kepercayaan karut. Untuk melicinkan pengajaran 'fardhu ain', maka dikeluarkan kitab yang berupa buku pelajaran yang mudah difahami yang digerakkan oleh ahli-ahli tabligh yang pergi ke kampung-kampung untuk mengajar,

Sesungguhnya kajian terhadap pelajaran ugama serata kemunculan ulamak Kelantan pada abad ke 19 hingga ke abad 20 berkait rapat dengan perkembangan ugama dan pengajaran ugama serta sistem pengajian pondok yang berfungsi sebagai pengalir bakal-bakal imam di Kelantan.

²²Diantara pelajar-pelajar keluaran pondok Bunut Payung yang telah menjadi Imam mengikut keterangan yang telah diberi oleh Pengetua pondok tersebut, Haji Husein b. Abdullah, pada 19 April, 1976. Imam mukim Benut Payung, Haji Ahmad bin Mohd Ali. Imam mukim Pintu Gong Haji Daud bin Haji Mohamed. Pemangku Imam mukim Kota Haji Yunus bin Daud. Imam mukim Padang Enggang Pauzi Ahmad. Imam mukim Pandak Mohamed Sidek Hj. Ab. Rahaman. Imam mukim Tunjang, Bt. 5 Haji Mohd Salleh Haji Idris. Imam mukim kedai Mulung, Mohd. Haji Harun. Imam mukim Lundang Paku, Daerah Beta Haji Ab. Rahman, Imam mukim Batu 8, Jalan Kuala Krai Haji Ab. Rahman Haji Zakaria. Imam mukim Kor, Kadok, Mohd Haji Sulaiman. Imam mukim Lundang, Ibrahim bin Ahmad. Imam mukim Chicha, Haji Hassan bin Ahmad. Masih ramai lagi yang tidak dapat dihubung oleh Pengetuanya setelah lama meninggalkan pondok tersebut apabila tamat.